

KENYATAAN MEDIA

19 MEI 2023

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Siasat Kes Kebakaran di Pencawang Elektrik Midvalley Megamall

Putrajaya, 19 Mei 2023 – Merujuk kepada kes kebakaran di bilik Pencawang Masuk Utama Midvalley Megamall, Kuala Lumpur kelmarin, siasatan awal oleh pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) mendapati bahawa kebakaran ini berpunca daripada alat ubah TX2 yang telah terbakar sepenuhnya dan menyebabkan keseluruhan sistem bekalan elektrik yang menerima bekalan daripada pencawang tersebut terjejas. Selain itu, sistem kabel bagi keseluruhan alat ubah di pencawang tersebut turut terjejas memandangkan lokasi kabel yang berada berhampiran dengan kejadian kebakaran.

Kejadian yang berlaku di sekitar jam 10.30 pagi itu telah menyebabkan keempat-empat alat ubah yang berada di pencawang tersebut terputus bekalan dan menyebabkan gangguan bekalan elektrik. Walau bagaimanapun, bekalan telah berjaya dipulihkan sepenuhnya secara berperingkat sekitar jam 12.30 tengah hari pada hari yang sama.

Pada masa ini, ST sedang menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian. Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga sedang menyediakan pelan mitigasi untuk membekalkan semula bekalan melalui pemasangan kabel baharu bagi memastikan kualiti bekalan kepada pengguna adalah terjamin.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST memandang serius ke atas kes seperti ini yang bukan sahaja memberi kesan kepada kestabilan sistem bekalan elektrik, malah melibatkan keselamatan orang awam. Sekiranya didapati berlaku sebarang kecuaiian atau kesalahan oleh mana-mana pihak yang berkenaan, ST selaku badan kawal selia bagi sektor pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia, akan mengambil tindakan yang sewajarnya di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

Sehubungan itu, ST sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk memberikan maklumat berkenaan sebarang kes seperti ini melalui sistem eAduan ST di talian 03-8870 8800 atau email ke eaduan@st.gov.my. Untuk makluman lanjut, sila layari laman sesawang ST di www.st.gov.my atau hubungi kami di talian 03-8870 8500.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)

Emel: veliana@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.